



SURAT PERMAKLUMAN BILANGAN: 04/2021

INISIATIF POLITEKNIK BRUNEI DALAM MENANGANI PENULARAN PANDEMIK COVID-19

Dengan mengambilkira situasi penularan pandemik COVID-19 dan bagi sama-sama mengelakkan dan mengawal situasi ini, adalah dimaklumkan bahawa:

1. Pelajar-Pelajar Yang Tinggal di Hostel

Dengan merujuk nasihat daripada Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pendidikan, semua pelajar-pelajar yang tinggal di hostel adalah dikehendaki untuk balik ke rumah dengan serta merta dan mengikuti pembelajaran secara dalam talian (online) di kediaman masing-masing.

Bagi pelajar-pelajar yang terpaksa berada di tempat penginapan atas sebab-sebab tertentu seperti tidak mempunyai akses internet di rumah, hendaklah segera memaklumkan kepada pihak Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Politeknik Brunei melalui alamat emel: jhep@pb.edu.bn. Pelajar tersebut adalah dinasihatkan untuk sentiasa mematuhi segala *Standard Operating Procedure* (SOP) Kementerian Kesihatan dan menjaga kebersihan diri seperti kerap mencuci tangan, tidak keluar dari bilik masing-masing tanpa keperluan, dan menggunakan sungkup muka bila berada di luar bilik.

2. Kaunter-Kaunter Perkhidmatan

Kaunter-kaunter perkhidmatan seperti berikut adalah ditutup sehingga tarikh yang akan dimaklumkan nanti. Bagi sebarang maklumat atau bantuan lanjut, sila hubungi nombor talian atau alamat emel yang telah disediakan.

Pejabat / Bahagian / Pusat	Maklumat Perhubungan
Penyambut Tetamu	Hotline: +673 7335984 (telefon atau WA)
Pejabat Pendaftar dan Setiausaha	
Bahagian Kewangan	finance@pb.edu.bn
Bahagian Hal Ehwal Pelajar	jhep@pb.edu.bn kaunseling.hep@pb.edu.bn
Perpustakaan Politeknik Brunei	library@pb.edu.bn

3. Peringatan Mengenai Nasihat Kementerian Kesihatan

Sebagai peringatan bersama, warga Politeknik Brunei termasuk pelajar-pelajar hendaklah memastikan untuk:

- Menjaga kesihatan dan kebersihan diri (*Personal Hygiene*);
- Sentiasa memakai sungkup muka;
- Menggunakan pembersih tangan (*hand sanitizer*);
- Utamakan penjarakan sosial (*social distancing*) yang ditetapkan;
- Mengelakkan tempat-tempat yang sesak;
- Membuat tempahan vaksinasi COVID-19 dengan segera, jika belum mendapatkannya;
- Menggunakan aplikasi BruHealth terutama sekali dalam mengimbas kod QR;
- Jika sakit, adalah dinasihatkan untuk mendapatkan pemeriksaan kesihatan dengan segera; dan
- Sentiasa mematuhi segala arahan dan nasihat yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan bagi mengelakkan penularan pandemic COVID-19.

Bagi sebarang maklumat terkini, sila layari laman sesawang rasmi Politeknik Brunei di alamat <http://www.pb.edu.bn> dan Instagram rasmi Politeknik Brunei @politeknikbrunei.

Segala sokongan dan kerjasama yang diberikan oleh semua pihak di Politeknik Brunei adalah sangat dihargai bagi sama-sama mengawal penularan pandemik COVID-19.

Sekian disampaikan untuk perhatian dan makluman mengenainya.

Rujukan : PB/CAD/SM
Tarikh : 02 Muharram 1443 / 11 Ogos 2021